

Sebanyak 14.2 juta ahli KWSP tidak perlu bayar cukai enam peratus

Tiada caj GST keluar wang KWSP

Oleh KAMARIAH KHALIDI
kamariah.khalidi@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan tiada sebarang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dikenakan ke atas ahlinya yang mahu membuat pengeluaran wang.

Pengumuman itu dibuat menerusi satu kenyataan akhbar bagi menjelaskan sama ada pengeluaran wang KWSP dikenakan GST sebanyak enam peratus yang berkuat kuasa pada 1 April lalu.

Justeru, KWSP meminta ahli-ahlinya supaya tidak menggunakan perkhidmatan ejen atau pihak ketiga ketika membuat pengeluaran wang milik mereka.

Kenyataan itu turut menjelaskan, KWSP tidak mengenakan GST ke atas jumlah simpanan yang dipindahkan daripada akaun ahlinya untuk tujuan membuat pelaburan dana amanah.

"Di bawah skim itu, ahli boleh memindahkan seba-



AHLI-AHLI KWSP tidak akan dikenakan GST semasa mereka membuat pengeluaran dan melaburkan wang ke dalam dana amanah. - Gambar hiasan

hagian simpanan KWSP mereka untuk dilaburkan dalam dana unit amanah yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan," menurut kenyataan tersebut yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut laman web KWSP, sehingga Disember 2014, KWSP mempunyai 14.2 juta ahli namun hanya 6.7 juta didapati aktif mencarum.

Sebanyak 413,827 permohonan melibatkan pengeluaran wang sebanyak RM8.5 bilion diluluskan agensi itu pada suku ketiga 2014.

Menurut kenyataan tersebut, ahli yang layak membuat pengeluaran dinasihatkan berurusan terus dengan KWSP.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Mohd. Khalid



KHALID

Atan berkata, pengumuman KWSP itu perlu disambut baik.

"Wang tersebut merupakan simpanan untuk hari tua kelak dan memang sepatutnya tidak dikenakan GST," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Mohammad Noori-

INFO Pengeluaran Wang KWSP

Pengeluaran Semasa Umur 50 Tahun

- Semua ahli dibenarkan mengeluarkan kesemua atau sebahagian simpanan dalam Akaun 2 apabila mencapai umur 50 tahun sebagai persediaan awal sebelum bersara.
- Pengeluaran boleh dibuat sekali sahaja untuk setiap ahli.

Pengeluaran Ketika Berumur 55 Tahun

- Ahli-ahli dibenarkan mengeluarkan kesemua simpanan apabila mencapai umur 55 tahun bagi membantu menyara hidup semasa persaraan.
- Apabila mencapai umur 55 tahun, mereka layak untuk membuat pilihan sama ada untuk mengeluarkan kesemua simpanan atau secara bulanan.

Wang tersebut merupakan simpanan untuk hari tua dan memang sepatutnya tidak dikenakan GST

MOHD. KHALID ATAN

zuddin Nooh pula berpendapat tindakan KWSP itu merupakan langkah yang tepat.

"KWSP bukanlah institusi kewangan dan simpanan di dalamnya adalah diwajibkan ke atas pekerja swasta dan kerajaan yang memilih untuk mencarum.

"Pengeluaran KWSP hanyalah bertujuan untuk proses seperti pembelian rumah, pendidikan dan penamatan perkhidmatan yang wajib. Maka jika tiada caj GST dikenakan ia dapat membantu mengurangkan beban pencarum," ujarnya.